

FORMAT PENULISAN KERTAS KONSEP TRANSDICIPLINARY RESEARCH GRANT (TDR)

Kertas konsep yang dikemukakan hendaklah merangkumi aspek-aspek seperti berikut:

1. Ringkasan Eksekutif

2. Latar Belakang dan Rasional Kertas Konsep Transdisiplinary Grant

Menyediakan kertas konsep yang bersifat teori/asas saintifik untuk mengukuhkan kertas konsep program penyelidikan. Program penyelidikan yang dikemukakan harus menjawab kepada persoalan-persoalan mengenai penyelidikan yang bersifat fundamental/applied/tranlational. Nyatakan juga jangkaan sumbangan hasil penyelidikan kepada pembangunan pengetahuan saintifik secara global dan juga keberkesannya kepada Penyelidikan dan Pembangunan.

3. Deskripsi Program Penyelidikan

Menyediakan rangka pelan pelaksanaan program penyelidikan. Nyatakan secara ringkas mengenai projek-projek di bawah program. Senaraikan institusi-institusi yang terlibat dan kepakaran masing-masing untuk melaksanakan projek-projek di bawah program. Senaraikan juga nama ketua projek dan ahli-ahli dalam projek. Nyatakan bagaimana untuk menguruskan kepelbagaian disiplin dan institusi bagi memastikan projek-projek di bawah program menyumbang kepada hasil program secara keseluruhannya. Sediakan carta alir yang lengkap menunjukkan hubungkait antara projek.

4. Kaedah Penyelidikan

Tunjukkan kaedah penyelidikan/teknik yang akan digunakan bagi setiap projek. Tunjukkan bagaimana kaedah yang dipilih boleh menghasilkan data yang berkualiti dengan mengambil kira kebolehpercayaan dan kesahihan data. Kemukakan juga teknik penyelidikan baru yang akan diperoleh sebagai sebahagian daripada pelaksanaan program. Nyatakan secara ringkas kaedah statistik yang akan digunakan. Sediakan Gantt Chart beserta Milestone Program dan projek

5. Belanjawan

Sediakan anggaran belanjawan bagi setiap projek.

6. Jangkaan Hasil/Output

Nyatakan jangkaan hasil/output daripada program seperti bilangan pelajar Ph.D, bilangan penerbitan, teknologi baru, IP dan sebagainya.